



BULETIN SEMARAK API



JULAI 2008

PERCUMA

LAWATAN Y.B TUAN RONNIE LIU KE MPSepang

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
 PERSIARAN SEMARAK API
 63200 CYBERJAYA
 TEL: 03-83190200/ 0300
 FAKS: 03-83190220
 Web: www.mpsepang.gov.my

KANDUNGAN:

LAWATAN Y.B TUAN RONNIE LIU KE MPSepang	1
MPSepang CATAT KEJAYAAN DALAM ICT	1
USAHASAMA MPSepang DALAM MENJAYAKAN WCIT	1
LORI HASIL BANTU PENDUDUK BUAT BAYARAN	2
PASUKAN TAEKWANDO CIPTA KEJAYAAN	2
KURSUS BAHASA INGGERIS	2
KURSUS LITERASI ASAS KOMPUTER	2

ANDA YANG BERMINAT
 MENYUMBANG PENDAPAT
 ATAU KARYA
 SILA BERHUBUNG DENGAN:

Bahagian Perhubungan Awam,
 Jabatan Perancangan Korporat,
 Persiaran Semarak Api
 63200 Cyberjaya

Pada 27 Julai lalu, Y.B Tuan Ronnie Liu Tian Khiew, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan Negeri Selangor telah membuat lawatan ke MPSepang. Taklimat telah disampaikan oleh Yang Dipertua MPSepang. Selain dari membuat lawatan ke kaunter pelbagai MPSepang, beliau juga telah menyampaikan hadiah Taman Perumahan Terbaik MPSepang tahun 2007 kepada Persatuan Penduduk Taman Meranti Jaya dan penyampaian hadiah kepada syarikat menyelenggara tandas awam di kawasan MPSepang.



YB melawat kaunter OSC



YB melihat pameran

MPSepang CATAT KEJAYAAN DALAM ICT

MPSepang telah mencatat kejayaan dalam bidang informasi teknologi pada tahun ini apabila laman web MPSepang iaitu www.mpsepang.gov.my telah diiktiraf tempat ke 4 terbaik dan tempat ke 2 bagi 'online services' di kalangan PBT Malaysia oleh Perbadanan Multimedia Malaysia (MDeC). Kejayaan ini sejajar dengan kedudukan Cyberjaya dalam Daerah Sepang dan sebagai sebuah PBT yang mentadbir Bandar IT ini.

USAHASAMA MPSepang DALAM MENJAYAKAN WCIT

MPSepang telah menjadi 'supporting partner' dalam World Congress On Information Technology 2008 (WCIT) yang diadakan di Kuala Lumpur pada 18 hingga 22 Mei 2008 lalu. Satu lawatan teknikal ke Cyberjaya yang dihadiri oleh 157 peserta antarabangsa dan tempatan telah diadakan sempena WCIT tersebut bertempat di Cyberview Resort pada 22 Mei 2008.



YDP menyampaikan cenderamata

LORI HASIL BANTU PENDUDUK BUAT BAYARAN

Majlis Perbandaran Sepang kini menyediakan perkhidmatan pungutan hasil seperti sewaan, cukai dan kupon pasar dengan menggunakan lori hasil. Lori tersebut akan berada di beberapa lokasi bagi menerima pembayaran. Perkhidmatan ini membolehkan pembayar cukai, penyewa gerai dan penjaja pasar malam untuk menjalankan tanggungjawab menjelaskan bayaran tanpa perlu hadir ke pejabat MPSepang di Cyberjaya.



Penyewa membayar sewaan

PASUKAN TAEKWANDO CIPTA KEJAYAAN

Pada 21 Jun 2008, seramai 12 anggota penguatkuasa dan 2 pegawai pengiring telah menyertai Kejohanan Taekwando (ITF), jempunan Daerah Gombak di Stadium Titiwangsa Kuala Lumpur. Pasukan MPSepang telah berjaya ke peringkat akhir bertemu dengan persatuan Johor-Kluang. Pasukan MPSepang telah menewaskan lawan dengan memenangi keseluruhan dewasa kejohanan tersebut. Pingat yang telah berjaya diperolehi adalah 3 emas, 3 perak, 3 gangsa dan 1 hadiah khas daripada Master Chew Teck Seong.



Sepanjang kejohanan



KURSUS BAHASA INGGERIS

Dalam memperkukuhkan imej kakitangan MPSepang, Jabatan Khidmat Pengurusan MPSepang telah menganjurkan kursus Bahasa Inggeris kepada kakitangan dalam peringkat-peringkat tertentu. Kursus ini membolehkan semua kakitangan berbahasa inggeris apabila berdepan dengan orang awam dan surat-surat yang perlu diberi maklumbalas. Kursus telah diadakan di Bukit Unggul dan Pusat Komuniti, Cyberjaya.



Sepanjang kursus

KURSUS LITERASI ASAS KOMPUTER

MPSepang dengan kerjasama Yayasan Emkay telah melaksanakan Program Celik IT. Program yang dimulakan sejak 29 Mac 2008 bertempat di Universiti Multimedia, Cyberjaya mensasarkan seramai 600 orang peserta yang berumur 35 tahun ke atas. Sehingga 6 Julai 2008, jumlah peserta telah mencapai seramai 400 orang.



Sepanjang kursus